

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

4.1 Dapatan Kajian

Hasil penganalisaan penulis terhadap pemikiran Wael Hallaq dalam artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed, On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād* dan *Early Ijtihād and The later Construction of Authority* dapat dibahagikan kepada lima pengkelasan seperti berikut :

4.1.1 Pemikiran Hallaq terhadap perkembangan hukum Islam sekitar kurun ke-3 hingga kurun ke-5 hijrah.

Hallaq telah menyatakan dalam artikel-artikelnya yang bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed*¹ dan *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād*² bahawa perkembangan hukum Islam telah mencapai tahap kegemilangan sekitar kurun ke-3 sehingga kurun ke-5 hijrah. Penganalisaan penulis mendapati bahawa tempoh tersebut telah dicatatkan oleh ulama ulama *uṣūl* terdahulu sebagai tempoh penting dalam kecemerlangan perkembangan hukum Islam dan *uṣūl al-fiqh*. Catatan

¹ Wael Hallaq (1994), “ Was The Gate of Ijtihad Closed”, dalam *Law and Legal Theory in Classical in Classical and Medieval Islam*”, c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 4.

² Wael Hallaq (1994), “*On The Origins of The Controversy About The Existence of Mujtahids and The Gate of Ijtihād*”, dalam *Law and Legal Theory in Classical and Medieval Islam*”, c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 129.

dalam buku sejarah perkembangan hukum Islam menunjukkan bahawa segala bentuk penulisan tentang hukum Islam, pembukuan *uṣūl al-fiqh*, *ijtihād*, perkembangan imam mazhab dan penubuhan mazhab telah berlaku sekitar tempoh waktu tersebut. Walaupun begitu, Penulisan Hallaq dalam artikel yang bertajuk *Early Ijtihād and The later Construction of Authority*³ menunjukkan bahawa di antara kurun ke-3 dan kurun ke-4 hijrah telah mula berlaku perpecahan pendapat dalam kalangan para ulama fiqh khususnya bagi menghasilkan sesuatu keputusan berkaitan hukum. Perkara ini berlaku disebabkan oleh fahaman ajaran mazhab yang berbeza.

Walaupun begitu Hallaq tidak menjelaskan dengan terperinci punca berlakunya perselisihan pendapat dalam kalangan ulama *uṣūl* pada tempoh waktu tersebut. Punca perselisihan pendapat di antara ulama perlu dinyatakan dengan jelas kerana mungkin akan timbul kekeliruan dalam kalangan pembaca kerana kurun ke-3 hingga awal kurun ke-5 hijrah merupakan antara tempoh pertumbuhan dan kecemerlangan hukum Islam. Penganalisan penulis mendapati perselisihan pendapat yang berlaku dalam kalangan mufti pada sekitar tempoh waktu tersebut pada dasarnya adalah kerana para ulama *uṣūl* mempunyai pendapat yang berbeza untuk menyusun dan membukukan metodologi ilmu *uṣūl al-fiqh*.⁴ Selain itu, perbezaan pendapat telah berlarutan kepada isu memahami permasalahan hukum semasa dengan berpandukan kepada penyelesaian hukum yang terdapat di dalam al-Qurān dan al-Sunnah serta untuk mengenalpasti kesahihan sesebuah

³ Wael Hallaq (2004), “*Early Ijtihād and The Later Construction of Authority*” dalam Wael Hallaq *et al.* (ed.), *The Formation of The Classical Islamic Law*, Bil. 27, USA: Ashagate Publishing Company, h. 335.

⁴ Muḥammad al- Khuḍhārī (1997), *op.cit*, h. 138.

Ḥadīth. Selain itu, penggunaan kaedah *al-ra'y* dan *qiyās* dalam pencarian hukum turut menyumbang kepada punca pertelingkahan pendapat dalam kalangan ulama Islam.⁵

4.1.2 Isu *Insidād bāb al-ijtihād*.

Isu pintu *ijtihād* telah ditutup menjelang kurun ke-4 hijrah sebagaimana yang didakwa oleh orientalis, Joseph Schacht menjadi faktor utama pengkajian Hallaq terhadap tajuk *ijtihād*. Dalam artikel beliau yang bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed*⁶ dan *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād*⁷ menunjukkan bahawa beliau telah menafikan praktik *ijtihād* berakhir pada kurun ke-4 hijrah. Bahkan praktik *ijtihād* menurut Hallaq sentiasa berkembang sepanjang zaman. Hasil pengamatan penulis berdasarkan buku karangan Muḥammad al-Khuḍhārī⁸, Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān⁹, dan Sha’bān Muḥammad Ismā’il¹⁰ telah menunjukkan bahawa praktik *ijtihād* secara umumnya mula mengalami kemerosotan bermula kurun ke-5 hijrah akibat daripada sikap *taqlīd* ulama Islam terhadap ajaran mazhab masing-masing.

⁵ Muḥammad al-Khuḍhārī (1997), *op.cit*, h. 138.

⁶ Wael Hallaq (1994), “Was The Gate of Ijtihad Closed,” dalam *Law and Legal Theory in Classical and Medieval Islam*, c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 4.

⁷ Wael Hallaq (1994), “On The Origins of The Controversy About The Existence of Mujtahids and The Gate of Ijtihad”, dalam *Law and Legal Theory in Classical and Medieval Islam*, c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 129.

⁸ Muḥammad al- Khuḍhūrī (1997), *Tārīkh Taṣhri’ al-Islāmī*, Beirut: Dar al Ma’rifah, h. 138.

⁹ Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *al-Syarī’ah al-Islāmiyyah Tārīkhuha Wa Naẓariyyah al Milikiyyah Wa al-‘Uqūd*, Iskandariah: Jāmi’ah al-Iskandariyah, h. 150.

¹⁰ Sha’bān Muḥammad Ismā’il (1981), *Uṣūl al-Fiqh: Tārīkhuhu Wa Rijāluhu*, Riyadh: Dar al Marīkh Li an-Naṣhir, h. 21.

Hallaq berpendapat bahawa walaupun bilangan para mujtahid yang berkaliber untuk melakukan *ijtihād* semakin berkurangan, praktik *ijtihād* masih tetap diteruskan. Kenyataan ini juga telah ditulis dan dihuraikan oleh sarjana-sarjana fiqh yang turut mengakui bahawa pada setiap perkembangan zaman, *ijtihād* masih tetap diteruskan oleh sekurang-kurangnya seorang mujtahid.

Oleh itu, huraian Hallaq terhadap isu *Insidād bāb al ijtihād* didapati tepat kerana fakta fakta yang dinyatakan dalam artikel tersebut adalah berdasarkan kepada catatan secara langsung tentang sejarah perkembangan hukum Islam oleh ulama terdahulu.

4.1.3 Pertumbuhan Mazhab dan Perkembangan *Ijtihād*.

Hallaq telah membincangkan isu tentang pembentukan mazhab dan praktik *ijtihād* dalam kalangan imam mazhab dengan terperinci dalam artikel *Early Ijtihād and The later Construction of Authority*. Penulis mendapati berlaku kekeliruan maklumat yang dihuraikan oleh Hallaq. Antaranya:

- i- Kurun ke-3 sehingga kurun ke-4 hijrah menunjukkan bahawa amalan *ijtihād* semakin merosot dan jumlah mujtahid semakin berkurangan.¹¹

Perkembangan hukum Islam sekitar kurun ke-3 sehingga kurun ke-4 hijrah adalah merupakan proses awal perkembangan hukum Islam, *ijtihād* dan pembukuan ilmu *uṣūl al-fiqh* yang dikenali sebagai zaman keemasan hukum Islam.¹² Kenyataan Hallaq seperti di atas adalah kurang tepat kerana pada sekitar tempoh tersebut, praktik *ijtihād* dan jumlah mujtahid masih lagi ramai. Sedangkan dalam artikel beliau bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed*¹³ beliau menyatakan bahawa wujudnya golongan tradisionalis yang menentang amalan *ijtihād*, akan tetapi tidak pernah berlaku kemerosotan praktik *ijtihād* sehingga awal kurun ke-5 hijrah. Manakala dalam artikel *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of*

¹¹ Wael Hallaq (2004), “*Early Ijtihād and The Later Construction of Authority*” dalam Wael Hallaq et al. (ed.), *The Formation of The Classical Islamic Law*, Bil. 27, USA: Ashagate Publishing Company, h. 335.

¹² Muḥammad al- Khudhūrī (1997), *Tārīkh Tashrī’ al-Islāmī*, Beirut: Dar al Ma’rifah, h. 138.

¹³ Wael Hallaq (1994), “*Was The Gate of Ijtihād Closed*”, dalam *Law and Legal Theory in Classical in Classical and Medieval Islam*”, c.4, Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 12.

*Ijtihād*¹⁴ Hallaq memperakui bahawa praktik *ijtihād* masih lagi aktif sehingga pertengahan kurun ke-5 hijrah.

Penjelasan beliau terhadap perkembangan *ijtihād* di antara kurun ke-3 sehingga kurun ke-4 hijrah adalah tidak selari di antara satu artikel dengan artikel yang lain. Hasil daripada penganalisan buku karangan Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān¹⁵, dan Sha’bān Muḥammad Ismā’il¹⁶ membuktikan bahawa tempoh perkembangan hukum Islam di antara kurun ke-3 sehingga kurun ke-4 hijrah adalah merupakan tempoh kecemerlangan dalam perkembangan *ijtihād*. Kemerostan terhadap praktik *ijtihād* dan jumlah mujtahid secara umumnya bermula pada kurun ke-5 hijrah.

¹⁴ Wael Hallaq (1994), “*On The Origins of The Controversy About The Existence of Mujtahids and The Gate of Ijtihād* dalam *Law and Legal Theory in Classical and Medieval Islam*”, c.4 Britain: Ashgate Publishing Limited, h. 139.

¹⁵ Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *al-Syarī’ah al-Islāmiyyah Tārīkhuha Wa Nazariyyah al Milikiyyah Wa al-‘Uqūd*, Iskandariah: Jāmi’ah al-Iskandariyah, h. 150.

¹⁶ Sha’bān Muḥammad Ismā’il (1981), *Uṣūl al-Fiqh: Tārīkhuha Wa Rijāluha*, Riyadh: Dar al Marīkh Li an-Naṣhir, h. 21.

4.1.4 Pemikiran Hallaq Tentang *Taqlīd*.

Penjelasan Hallaq tentang *taqlīd* yang berlaku dalam kalangan umat Islam dihuraikan dalam artikel beliau yang bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed* dan *Early Ijtihād and The later Construction of Authority*. Hasil penulिसannya telah menunjukkan bahawa amalan *taqlīd* mula menular pada pertengahan kurun ke-5 hijrah khususnya terhadap hasil tinggalan ulama-ulama terdahulu. Hallaq berpendapat bahawa sikap *taqlīd* mula tercetus kerana umat Islam khususnya para pengikut ajaran imam mazhab bersikap fanatik terhadap hasil tinggalan ilmu oleh imam mazhab. Situasi ini menurut Hallaq telah membawa kepada kemerosotan bilangan ulama Islam untuk berijtihad.

Kenyataan tentang perkembangan amalan *taqlīd* telah dihuraikan dengan terperinci dalam kitab karangan Muhammad Khuḍhārī¹⁷, Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān¹⁸, dan Sha’bān Muhammad Ismā’il.¹⁹ Para sarjana Islam bersependapat dalam menyatakan bahawa amalan *taqlīd* umat Islam mula berkembang sejak awal kurun ke-6 hijrah yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti sikap fanatik terhadap mazhab, perselisihan pendapat dalam kalangan pengikut-pengikut mazhab dan sikap tidak berusaha untuk berijtihad dalam penyelesaian masalah yang melibatkan hukum. Malah, sarjana *uṣūl* bersependapat menyatakan mujtahid masih lagi wujud pada waktu tersebut, akan tetapi bilangan mereka adalah sangat berkurangan. Faktor ini secara tidak langsung telah

¹⁷ Muḥammad al- Khuḍhurī (1997), *op.cit*, h. 138.

¹⁸ Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *al-Syarī’ah al-Islāmiyyah Tārīkhuha Wa Nazariyyah al Milikiyyah Wa al-‘Uqūd*, Iskandariah: Jāmi’ah al-Iskandariyah, h. 150.

¹⁹ Sha’bān Muḥammad Ismā’il (1981), *Uṣūl al-Fiqh: Tārīkhuha Wa Rijāluha*, Riyadh: Dar al Marīkh Li an-Naṣhir, h. 21.

menjadi dorongan utama ulama Islam pada waktu tersebut untuk mengamalkan *taqlīd* terhadap ajaran imam-imam terdahulu.²⁰

Oleh itu, penulisan Hallaq tentang tempoh dan faktor perkembangan amalan *taqlīd* adalah tepat seperti yang telah dihuraikan oleh ulama ulama *uṣūl* dalam kitab sejarah perkembangan hukum Islam.

4.1.5 Pemikiran Hallaq Tentang *Ijtihād* Para Imam Mazhab.

Berdasarkan kepada artikel Hallaq bertajuk *Early Ijtihād and the Later Construction of Authority*, Hallaq telah cuba untuk membuktikan kedudukan *ijtihād* yang dilakukan oleh para imam mazhab dan pengikut-pengikut ajaran mereka. Berdasarkan kepada pengkajiannya, Hallaq telah merumuskan perkara-perkara berikut:-

- i. Analisis terhadap *ijtihād* imam Ḥanāfī.

Susur galur *ijtihād* bermula daripada imam Abū Ḥanīfā dan diikuti oleh para pengikutnya seperti Abū Yūsūf Ya' kūb dan al-Ḥasan bin Ziyad al- Lu'luī. Hallaq menjelaskan bahawa imam Abū Ḥanīfā banyak mengambil pendapat dan *ijtihād* yang telah dilakukan oleh gurunya, Hammād dan menjadikan *ijtihād* gurunya sebagai pendapat daripada beliau sendiri. Dalam artikelnya, Hallaq tidak

²⁰ Sha'bān Muḥammad Ismā'il (1981), *op.cit*, h. 21.

menjelaskan dengan terperinci punca utama imam Abū Ḥanīfā mengambil *ijtihād* gurunya dalam penyelesaian hukum. Penganalisan penulis berdasarkan kitab karangan Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān,²¹ dan Sha’bān Muḥammad Ismā’il²² mendapati imam Abū Ḥanīfā merupakan seorang ulama yang sangat berpengetahuan tinggi dalam bidang fiqh.

Beliau banyak merujuk kepada al-Qurān, al-Sunnah dan menggunakan kaedah *al-ra’y* dalam berhadapan dengan permasalahan hukum. Malah imam Abū Ḥanīfā sendiri pernah menyatakan bahawa dalam keadaan tertentu, beliau akan mengambil pendapat daripada mana-mana sahabat dan meninggalkan pendapat yang kurang jelas.²³ Kenyataan ini menunjukkan bahawa imam Abū Ḥanīfā mengakui bahawa beliau turut mengikut (*taqlīd*) pendapat daripada imam-imam terdahulu dalam keadaan tertentu. Walaupun begitu, tindakan *taqlīd* beliau tidak bermaksud bahawa beliau tidak berkemampuan untuk ber*ijtihād*, malah beliau secara tidak langsung menunjukkan sikap menghormati pandangan hukum yang telah diberikan oleh ulama terdahulu.

ii. Analisis *ijtihād* imam Mālik dan imam al-Shafi’i.

Hallaq telah merumuskan dalam artikelnya bahawa imam Mālik dan al-Shafi’i merupakan antara ulama *uṣūl* yang sangat berpengetahuan tinggi dalam bidang

²¹ Badrān Abū al-‘Aynāyn Badrān (t.t), *al-Syarī’ah al-Islāmiyyah Tārīkhuha Wa Nazariyyah al Milikiyyah Wa al-‘Uqūd*, Iskandariah: Jāmi’ah al-Iskandariyah, h. 188.

²² Sha’bān Muḥammad Ismā’il (1981), *Uṣūl al-Fiqh: Tārīkhuhu Wa Rijāluhu*, Riyadh: Dar al Marīkh Li an-Naṣhir, h. 47.

²³ *Ibid*, h. 49.

uṣūl al-fiqh. Hallaq secara umumnya menjelaskan bahawa walaupun imam Mālik dan imam Shafi'i memiliki kemampuan *ijtihād* yang sangat tinggi, tetapi dalam keadaan tertentu mereka turut merujuk kepada *ijtihād* yang telah dilakukan oleh ulama terdahulu. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, penulis mendapati imam Mālik turut mengakui beberapa kandungan dalam kitab *al-Muwaṭṭa'* adalah berdasarkan kepada beberapa pendapat dan *ijtihād* yang telah dilakukan oleh ulama-ulama Islam.²⁴

Kenyataan tersebut secara tidak langsung membuktikan bahawa amalan *ijtihād* yang ditinggalkan oleh ulama-ulama terdahulu terhadap sesuatu permasalahan hukum merupakaninggalan yang sangat penting kepada umat Islam. Walaupun imam Mālik dan imam Shafi'i merupakan pakar dalam bidang hukum Islam dan mempunyai daya kemampuan *ijtihād* yang tinggi, mereka tetap merujuk kepada hasilinggalan *ijtihād* ulama terdahulu sebelum sebarang keputusan hukum ditetapkan.

iii. Pembabitan Ibn Ḥanbal dalam *uṣūl al-fiqh*.

Hallaq telah menjelaskan bahawa ibn Ḥanbal tidak bergiat secara aktif dalam bidang perundangan Islam atau *uṣūl al-fiqh*. Malah sumbangnya sebagai ulama *uṣūl* tidak banyak diperkatakan kerana beliau lebih banyak mengkaji ḥadīth dan mengajarkannya. Berdasarkan kitab karangan Sha'bān Muḥammad Ismail,²⁵

²⁴ Muḥammad Ismā'il (1981), *op.cit*, h. 56.

²⁵ *Ibid*, h. 56.

penulis mendapati imam Ḥanbali lebih banyak menumpukan perhatian dan hafalannya terhadap ḥadīth nabi Muhammad dan pembukuan terhadap ilmu ḥadīth khususnya yang berkaitan secara langsung dengan hukum halal dan haram.

Hallaq telah menyatakan dalam artikelnya bahawa salah seorang pengikut imam Ḥanbal, iaitu Ṭūfī mengakui bahawa ibn Ḥanbal tidak melibatkan diri beliau dalam bidang *uṣūl al-fiqh*, bahkan beliau lebih berkemahiran dalam bidang ḥadīth.²⁶ Kenyataan tersebut adalah tidak tepat kerana ibn Ḥanbal pernah melibatkan diri dalam bidang ilmu *uṣūl al-fiqh* dan pernah berguru dengan imam al-Shafi'i dalam pengajian fiqh. Pembabitan beliau dalam bidang *uṣūl al-fiqh* tidak dilakukan secara khusus kerana beliau lebih berminat mendalami ilmu ḥadīth.²⁷ Walaupun begitu, kenyataan tersebut tidak bermaksud bahawa imam Ḥanbal mengabaikan ilmu fiqh, malah beliau turut mempelajari ilmu fiqh dan kesimpulan tentang hukum daripada imam al-Shafi'i. Pendapat beliau tentang ilmu fiqh telah dibukukan oleh Aḥmad bin Muḥammad al Khilāl dalam kitabnya yang bertajuk *al-Jami' al-kabīr*.²⁸

²⁶ Wael Hallaq (2004), "Early Ijtihād and The Later Construction of Authority" dalam Wael Hallaq et al. (ed.), *The Formation of The Classical Islamic Law*, Bil. 27, USA: Ashagate Publishing Company, h. 335.

²⁷ Aḥmad al-Syurbasi (1978), *Biografi Imam Mazhab Empat: Hanafi, Maliki, Shafi'i, Hanbal*. Hussin Haji Muhammad (terj.), Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 261.

²⁸ *Ibid*, h. 258.

4.2 KESIMPULAN

Pengkajian Wael Hallaq terhadap bidang ilmu *uṣūl al-fiqh* telah menghasilkan pelbagai buku dan artikel yang mempunyai nilai pengetahuan yang tinggi khususnya terhadap perkembangan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Penganalisaan penulis terhadap artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed, On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād* dan *Early Ijtihād and The later Construction of Authority* telah menghasilkan beberapa kesimpulan terhadap bentuk pemikiran Hallaq dalam pengkajian terhadap ilmu *uṣūl al-fiqh*.

Hallaq telah menghasilkan artikel-artikel yang mempunyai hubungan secara langsung dengan tajuk *ijtihād* yang merupakan antara metodologi *uṣūl al-fiqh* yang terpenting dalam pencarian hukum Islam. Berdasarkan kepada penelitian terhadap kandungan ketiga-tiga artikel yang dihasilkan, penulis mendapati Hallaq merungkai setiap permasalahan yang berlaku dalam sejarah perkembangan hukum Islam dengan terperinci dan konsisten di antara artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed* dan *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād*. Sejarah perkembangan hukum Islam telah dihuraikan oleh Hallaq berdasarkan kepada frasa yang berbeza yang boleh di kategorikan sebagai berikut:

- 1- Sejarah perkembangan hukum Islam : sekitar kurun ke-3 sehingga awal kurun ke-5 hijrah.
- 2- Kemunculan imam-imam Mazhab: sekitar kurun ke- 3 hijrah.

- 3- Isu pintu *ijtihād* ditutup: sekitar kurun ke -4 sehingga kurun ke-5 hijrah.
- 4- Amalan *taqlīd* yang bermula pada kurun ke-6 hijrah.

Penghasilan artikel tentang *ijtihād* merupakan antara sumbangan Hallaq yang terbesar terhadap perkembangan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Isu *ijtihād* telah cuba dicetuskan oleh orientalis seperti Joseph Schacht yang bertanggungjawab menyebarkan dakwaan tentang *insidād bāb al ijtihād* bermula awal kurun ke-4 hijrah. Hallaq telah menolak dakwaan Schacht dengan berdasarkan kepada penulisan beliau terhadap artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed* dan *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād*.

Berdasarkan kepada artikel tersebut, Hallaq banyak mengukuhkan hujahan beliau dengan menggunakan metod historis untuk menguatkan bukti tentang sejarah perkembangan hukum Islam yang secara tidak langsung menunjukkan perkembangan *ijtihād* berlaku pada setiap perkembangan zaman. Bagi memastikan fakta sejarah yang dihuraikan oleh Hallaq tepat dan tidak tersasar daripada sejarah perkembangan hukum Islam, maka penulis telah membuat perbandingan dengan beberapa buah kitab²⁹ yang berkait secara langsung dengan *Tārīkh Tashrī' al-Islām*.³⁰ Hasil daripada penelitian tersebut dapat dirumuskan bahawa maklumat yang dikemukakan oleh Hallaq dalam artikel beliau bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed* dan *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād* tentang perkembangan hukum Islam

²⁹ Badrān Abū al-'Aynāyn Badrān (t.t), *al-Syarī'ah al-Islāmiyyah Tārīkhuha Wa Nazariyyah al Milikiyyah Wa al-'Uqūd*, Iskandariah: Jāmi'ah al-Iskandariyah.

³⁰ Sha'bān Muḥammad Ismā'il (1981), *Uṣūl al-Fiqh: Tārīkhuha Wa Rijāluha*, Riyadh: Dar al Marīkh Li an-Naṣhir.

sekitar kurun ke-3 sehingga awal kurun ke-5 hijrah adalah konsisten dan sama dengan apa yang telah ditulis dan dihuraikan oleh sarjana-sarjana Islam. Hasil penulisan beliau tentang perkembangan hukum Islam dari perspektif sejarah menunjukkan bahawa beliau sangat teliti dalam kajiannya bagi memastikan fakta yang digunakan untuk menolak dakwaan Schacht tentang penutupan pintu *ijtihād* adalah tepat dan tidak direka.

Sumbangan Hallaq sebagai orientalis yang menumpukan sepenuh perhatian terhadap bidang *uṣūl al-fiqh* adalah satu usaha yang patut dihormati. Beliau bukan sahaja telah menghasilkan pelbagai buku, artikel dan ensiklopedia untuk rujukan pengkaji ilmu *uṣūl al-fiqh*, akan tetapi beliau antara orientalis yang telah mampu membuktikan kepada orientalis lain bahawa pintu *ijtihād* tidak pernah ditutup walaupun perkara tersebut telah dinyatakan dengan jelas dalam sejarah perkembangan hukum Islam. Hasil penulisan Hallaq terhadap perkembangan ilmu *uṣūl al-fiqh* dari aspek sejarah sehingga kini secara tidak langsung telah memberi sumbangan yang besar khususnya terhadap pengkaji ilmu *uṣūl al-fiqh*. Penghasilan artikel seperti *Was The Gate of Ijtihād Closed, On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād* dan *Early Ijtihād and The later Construction of Authority* merupakan antara karya terbaik Hallaq tentang perkembangan dan isu *ijtihād* yang sering diperkatakan oleh orientalis barat.

Hallaq secara umumnya telah menyusun dengan teliti sejarah perkembangan hukum Islam dalam ketiga-tiga artikel di atas bagi memudahkan kefahaman pembaca untuk memahami setiap perkembangan hukum Islam yang berlaku sekitar kurun ke-3 sehingga kurun ke-6 hijrah. Walaupun maklumat yang dihasilkan oleh beliau mempunyai

persamaan dan sedikit percanggahan dengan hasil penulisan ulama *uṣūl* terdahulu, ia merupakan satu perkara yang perlu dipandang serius oleh umat Islam khususnya dalam meneliti hasil karya orientalis barat terhadap hukum Islam.

Penulisan Hallaq tentang perkembangan hukum Islam secara umumnya banyak berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah sedia ada dalam kitab-kitab karangan ulama fiqh terdahulu. Hasil penulisannya mungkin berbeza dengan penulisan ulama terdahulu kerana beliau lebih banyak menggunakan penerapan konsep *uṣūl al-fiqh* berdasarkan perubahan masa dan keadaan umat Islam sehingga kini. Selain itu, pemikiran Hallaq tentang hukum Islam lebih menjurus kepada penilaian yang bersifat positif dan tidak bersifat provokasi seperti kebiasaan penulis orientalis yang lain. Walaupun begitu kenyataan ini tidak bermaksud bahawa segala penulisan beliau perlu diterima sepenuhnya oleh umat Islam, malah kepekaan terhadap sebarang fakta hukum Islam dan metodologi berkaitan *uṣūl al-fiqh* yang dihasilkan oleh beliau dan orientalis lain perlu dianalisis oleh umat Islam.